

# aFINity@SC

## TINGKAT KESEDARAN POTENSI SEKTOR FINTECH

» Rangkaian hubungan usahawan teknologi kewangan dengan pelabur

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Shahrizan Salian  
bhbiz@bh.com.my

**D**atuk Seri Najib Razak semalam mengumumkan penubuhan inisiatif Komuniti Pakatan Teknologi Kewangan atau aFINity@SC bagi membentuk satu rangkaian baharu khusus untuk pihak berkepentingan yang bergiat dalam sektor teknologi kewangan (fintech).

Suruhanjaya Sekuriti (SC) mengenal pasti fintech yang merangkumi rangkaian meluas teknologi berkaitan sektor

kewangan seperti perisian urus niaga, data pasaran, teknologi pasaran saham, analitikal, perkomputeran awan, rangkaian berkelajuan tinggi serta teknologi mudah alih sebagai salah satu daripada sektor yang berpotensi tinggi.

### Wujud hab ekosistem

Perdana Menteri berkata, rangkaian baharu itu akan menghubungkan usahawan fintech dengan pelabur, penyelidik, mentor serta agensi kerajaan yang berkaitan.

Katanya, ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai peluang yang ada sektor fintech, selain memangkin penubuhan dan pembangunan perniagaan dengan mewujudkan hab bagi ekosistem sektor berkenaan.

“Inisiatif juga menyediakan persekitaran kawal selia yang mempromosikan inovasi kewangan bertanggungjawab.

“Adalah jelas bahawa sektor ini berhak mendapat sokongan daripada kerajaan. Saya menyerahkan mandat

kepada SC untuk menerajui inisiatif ini,” katanya ketika menyampaikan ucapan pada Simposium Pasaran Modal Sedunia (WCMS) di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Pengerusi SC, Datuk Ranjit Ajit Singh.

Matlamat utama penubuhan aFINity@SC adalah untuk memacu pertumbuhan serta inovasi dalam sektor fintech.

Buat permulaan, SC akan membuka penyertaan bagi menarik minat pihak berkepentingan berkaitan termasuk pereka inovasi, usahawan, syarikat terkemuka, pelabur dan pihak berkuasa lain bagi mencarta agenda fintech untuk negara.

### Bantu kawal selia

aFINity@SC juga akan membantu firma dalam persekitaran kawal selia dengan merangka perbincangan antara usa-

hawan dan pihak berkuasa berkaitan bagi memastikan sebarang potensi kawal selia serta risiko dipertimbangkan dengan sewajarnya.

WCMS, simposium dua hari yang diadakan dua tahun sekali dan berakhir hari ini, dianjurkan oleh SC dengan kerjasama Maybank, Amundi Asset Management dan Nomura Asset Management.

Bertemakan ‘Pasaran dan Teknologi: Memacu Pertumbuhan Masa Depan Melalui Inovasi’ simposium itu menampilkan penceramah terkemuka.

Mereka termasuk Ahli Dewan Negara United Kingdom dan Presiden Royal Institute of International Affairs, Paddy Ashdown; pengasas Infosys, NR Narayana Murthy dan Pengarah Eksekutif Marc Faber Ltd, Dr Marc Faber.

Simposium yang disertai oleh pemimpin, pembuat dasar, perniagaan dan pemimpin pasaran itu diadakan untuk menggalakkan pertukaran maklumat dalam sektor pasaran modal.



Antara delegasi yang menghadiri Simposium Pasaran Modal Sedunia di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO AIZUDDIN SAAD/ BH]